

Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i) – Promosi Istimewa 7.7

Kemaskini terakhir pada 27 Jun 2022

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PROMOSI

Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi Akaun Pelaburan Berjangka-i oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad ini (TIA-i) hendaklah dibaca bersama-sama Terma-terma & Syarat-syarat TIA-i dan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat berkaitan yang dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“**HLISB**” atau “**Bank**”). Bank boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat lain yang berkaitan di samping peraturan-peraturan lain pada bila-bila masa dengan notis awal.

Terma-terma dan Syarat-syarat ini hanya terguna pakai bagi TIA-i iaitu Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA) yang membenarkan langganan dan pengeluaran dibuat secara atas talian melalui Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong (“**HLB Connect**”).

“**Promosi 12-Bulan TIA-i**” HLISB (“**Promosi**”) ini akan bermula dari 7 Julai 2022 dan berakhir pada 7 Julai 2022 (11.59 malam), termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Promosi**”) atau mencapai sasaran promosi, yang mana terlebih dahulu, melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma-terma & Syarat-syarat

Terma-terma dan syarat-syarat yang terguna pakai untuk Promosi (“**T&Cs**”) dijelaskan seperti berikut:

Kelayakan

1. Promosi ini terbuka kepada individu-individu dan perniagaan-perniagaan tunggal (“**Pelabur**”) yang merupakan pemegang akaun utama HLISB Akaun Semasa atau Simpanan-i (“**CASA-i**”) / Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) Akaun Semasa atau Simpanan (“**CASA**”). Pelabur hendaklah mendaftar terlebih dahulu dengan HLB Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
2. Pemegang Akaun Bersama CASA-i / CASA tidak boleh membuka atau mengendalikan TIA-i dan tidak dibenarkan untuk menyertai Promosi ini.
3. Promosi ini hanya untuk langganan baharu yang dibuat semasa Tempoh Promosi. Pelabur yang membuat pembaharuan pelaburan secara automatik semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai Promosi ini, melainkan Pelabur mengeluarkan pelaburan yang sedia ada dan membuat langganan baharu semasa Tempoh Promosi.

Kadar Indikatif Promosi untuk TIA-i & Langganan

Pelabur yang telah melanggan antara jumlah RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) dan RM5,000,000 (Ringgit Malaysia Lima Juta) untuk Tempoh dua belas (12) bulan TIA-i semasa Tempoh Promosi layak untuk mendapatkan Kadar Indikatif Promosi seperti yang tertera di bawah;

Tempoh Promosi	Tempoh Pelaburan	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) Pelanggan: Bank	Kadar Indikatif Promosi	Amaun Langganan Minimum Dana TIA-i	Amaun Langganan Maksimum Dana TIA-i untuk setiap langganan
7 July 2022	12 bulan	85:15	3.20% setahun.*	RM2,000	RM5,000,000

* Sekiranya terdapat perubahan dalam Kadar Dasar Semalam (OPR) dari Bank Negara Malaysia, kadar keuntungan yang dijangka untuk langganan baharu (selepas perubahan OPR) mungkin akan diubah semasa Tempoh Promosi.

Mekanisme Promosi

4. Pembaharuan: "Kadar Indikatif Promosi" ini hanya untuk langganan tempoh pelaburan dua belas (12) bulan TIA-i. Sebarang pembaharuan automatik selepas itu akan tertakluk kepada kadar indikatif biasa HLISB semasa pembaharuan dilakukan.
5. Bagi Pelabur yang sedia ada mempunyai akaun CASA-i / CASA di HLISB / HLB, langganan TIA-i boleh dilakukan melalui HLB Connect dari CASA-i / CASA. Pelabur yang tidak sedia ada mempunyai CASA-i / CASA bersama Bank dikehendaki untuk membuka akaun CASA-i dengan HLISB sebelum melanggan dalam TIA-i.

Mekanisme Kempen `Connect`

Peluang memenangi wang tunai sebanyak RM 777

6. Untuk menyertai Kempen ini, Pelabur hendaklah melanggan TIA-i. Untuk setiap langganan berjumlah minima RM 5,000, Pelanggan layak mendapat satu tiket penyertaan. Pelabur boleh meletakkan jumlah penyertaan yang lebih tinggi untuk mendapatkan lebih banyak tiket penyertaan.

Kempen ini diilustrasikan seperti berikut:

Jumlah Penyertaan	Tiket Penyertaan
Satu Penyertaan berjumlah RM5,000	1
Satu Penyertaanberjumlah RM15,000	3
Satu Penyertaan berjumlah RM17,000	3

7. Untuk tujuan Kempen ini, Pelabur yang telah memenuhi semua kriteria dalam Klausula 6 di atas akan disebut sebagai "Pelanggan yang Layak".
8. Tidak ada batasan untuk jumlah penyertaan yang dibuat dalam Tempoh kempen berlangsung, namun setiap Peserta Pelanggan yang Layak hanya berhak memenangi satu (1) hadiah.
9. Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria yang tersebut berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama kempen berikut:

Hadiah	Jumlah Pemenang
Wang Tunai RM777	20

Pemilihan Pemenang bagi Kempen Dan Pemenuhan Hadiah

10. Pemenang Kempen akan dipilih melalui cara berikut:
 - a) Pelanggan yang Layak yang telah melanggan TIA-i semasa Tempoh Kempen dan memperolehi tiket penyertaan mengikut Klausula 6 di bawah akan disenarai pendek untuk Hadiah Kempen;
 - b) Seratus (100) Pelanggan yang Layak akan dipilih secara rawak pada enam puluh hari (60) dari Tempoh Kempen berakhir (Pelanggan yang disenarai pendek).
11. Pelanggan yang disenarai pendek akan dihubungi melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") oleh Syarikat Perkhidmatan Servis Pesanan Ringkas yang dilantik atas usaha terbaik sebanyak SEKALI sehari pada bila-bila masa pada waktu pejabat (Isnin hingga Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 5:00 petang) melalui nombor telefon terkini yang diberikan oleh Pelanggan yang disenarai pendek yang direkod dalam sistem HLISB untuk menjawab satu (1) soalan dalam tempoh masa terpantas. Perkhidmatan SMS untuk kempen aduan ini disediakan dan disokong oleh XOX Technology Berhad 199901007872 (482772-D), vendor SMS yang dilantik secara rasminya oleh pihak Bank ("XOX Technology").
12. Pelanggan yang disenarai pendek akan terlepas peluang untuk menyertai Kempen ini jika Pelanggan yang disenarai pendek tidak berjaya menjawab soalan dengan betul / tidak menjawab soalan yang dikemukakan oleh HLISB atau Syarikat Perkhidmatan Servis Pesanan Ringkas yang dilantik melalui SMS dalam tempoh satu (1) hari kalender.

13. Dua puluh (20) Pelanggan yang disenarai pendek pertama yang telah berjaya menjawab SMS dengan jawapan yang betul mengikut format dan dalam tempoh masa terpantas seperti yang diarahkan dalam SMS yang dihantar oleh HLISB atau Syarikat Perkhidmatan Servis Pesanan Ringkas dilantik dianggap sebagai pemenang Hadiah ("Pemenang") bagi Hadiah Kempan
14. Pelanggan disenarai pendek hendaklah menanggung kos SMS yang dikenakan semasa menyertai kempen ini.
15. HLISB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran atau penerimaan sebarang SMS ke atau daripada mana-mana pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang mungkin menyebabkan Pelanggan disenarai pendek tidak dapat menyertai Kempen ini.
16. Pengumuman Pemenang dan penyerahan hadiah adalah seperti berikut ("Pengumuman Pemenang"):

Pemenang	Pengumuman Pemenang	Penyerahan Hadiah
Hadiah Kempan	Dalam tempoh 60 hari hari bekerja selepas tamat Tempoh Kempen	Pemenang akan dihubungi oleh Bank sama ada secara bertulis atau melalui telefon untuk urusan penyerahan hadiah.

17. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Bank sama ada secara bertulis, melalui telefon, SMS atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank ("Pemberitahuan Pemenang") berdasarkan usaha terbaik menghubungi ke nombor telefon terkini yang direkodkan dalam sistem HLISB.
18. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan bertanggungjawab untuk memberikan nombor telefon dan alamat terkini kepada pihak Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya tidak dapat menghantar / menyampaikan Pemberitahuan Pemenang disebabkan nombor telefon atau alamat yang tidak sah atau tidak tepat yang diberikan oleh Pelanggan, atau SMS yang tidak dapat dihantar kerana apa jua sebab. Di samping itu, Pemberitahuan Pemenang (E.g Nama dan nombor Mykad/passport dalam bentuk terlindung ("ID") akan diumumkan melalui laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my atau dari sistem dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Klausa 16 Pemilihan Pemenang dan Penyerahan Hadiah.
19. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam memaparkan sebarang langganan TIA-i dalam akaun Pelanggan yang Layak, di mana kegagalan tersebut boleh menyebabkan Pelanggan yang layak tersebut tidak layak untuk menyertai Kempenn.
20. TIA-i dan CASA-i/CASA Pemenang mestilah aktif dan sah, serta tidak boleh melanggar mana-mana terma dan syarat Kempenn ini dan/atau terma dan syarat umum TIA-i sewaktu tempoh pemberian Hadiah, sekiranya gagal, Hadiah tersebut boleh

diambil semula oleh HLISB, tiada penggantian atas pemilihan baru sekiranya berlaku pelucutan hak.

21. Semua hadiah hendaklah diterima seadanya oleh Pemenang dan tidak boleh ditukar pemilik. HLISB berhak untuk menggantikan hadiah dengan apa-apa hadiah lain yang sama nilai mungkin disebabkan oleh tidak adanya model hadiah atau kerana keadaan yang tidak dapat dijangka atau sebagainya.
22. Kakitangan HLISB/HLB tidak layak untuk menyertai kempen ini.

Am

23. Dengan menyertai Promosi ini, Pelabur bersetuju:
 - a) untuk mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung;
 - b) bahawa keputusan Bank dalam semua hal berkaitan Promosi ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif;
 - c) untuk mengakses laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi dan memastikan untuk mengambil tahu sebarang perubahan atau variasi terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat promosi
24. HLISB berhak:
 - a) untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, dengan memberitahu Pelabur terlebih dahulu.
 - b) Bank akan memuat naikkan Terma dan Syarat promosi yang telah dikemas kini di laman sesawang Bank, atau melalui mana-mana kaedah yang dianggap sesuai oleh Bank.
 - c) untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelabur daripada menyertai Promosi ini disebabkan tidak mematuhi Terma dan Syarat promosi yang terkandung dalam dokumen ini seperti mana yang dianggap munasabah oleh HLISB.
25. Semua Terma-terma & Syarat-syarat lain yang berkaitan dengan TIA-i akan terus terguna pakai melainkan disebut sebaliknya dalam Terma-terma & Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini.
26. Untuk melayakkan Pelabur mendapat Kadar Indikatif Promosi TIA-i, langganan TIA-i hendaklah dilakukan semasa Tempoh Promosi melalui HLB Connect.
27. Terma-terma dan Syarat-syarat promosi ini akan tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
28. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma-terma dan Syarat-syarat promosi yang terkandung dalam dokumen ini dan sebarang bahan pengiklan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubung dengan Promosi ini, Pelabur hendaklah merujuk kepada Terma-Terma dan Syarat-syarat promosi ini.

29. Terma-terma dan Syarat-syarat promosi yang terkandung ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat TIA-i hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu perjanjian keseluruhan . Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat TIA-i, Pelabur hendaklah merujuk kepada Terma dan Syarat promosi ini yang hanya terguna pakai untuk Promosi ini.
30. Terma-terma dan Syarat-syarat TIA-iyang diguna pakai untuk Promosi ini boleh didapati di www.hlisb.com.my.
31. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan tunggal merangkumi perkara yang bukan tunggal dan begitu juga sebaliknya.

PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM